

**KESEPADUAN SOSIAL GENERASI BAHARU MASYARAKAT MAJMUK  
MALAYSIA MELALUI MEDIA SOSIAL: SUATU KAJIAN PEMAHAMAN,  
PERSEPSI, PENERIMAAN DAN FAKTOR.**

**Rosfazila Abd Rahman**

**Hairol Anuar Mak Din**

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

**Jessica Ong Hai Liaw**

*Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*

**Adlina Abdul Khalil**

*Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah*

**Munira Abd Razak**

*Universiti Malaysia Pahang*

**ABSTRAK**

Media sosial adalah realiti generasi baharu masyarakat majmuk Malaysia pada era globalisasi ini. Kemunculan medium ini memberi pelbagai impak kepada rentas generasi. Media sosial mudah dicapai dimana-mana lokasi dan waktu dan memberikan kebebasan mutlak kepada masyarakat untuk bergerak secara aktif dan interaktif. Dalam perkembangan yang terkini, media sosial telah menjadi medium interaktif yang menyajikan peluang kepada masyarakat untuk mengukuhkan kesepaduan. Penggunaan media sosial sebagai medium untuk saling berkenalan dan mengeratkan perpaduan memberi kesan yang positif kepada masyarakat. Memandangkan media sosial merupakan satu medium yang digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat pada masa kini maka kajian ini bertujuan untuk melihat pemahaman, persepsi, penerimaan serta faktor kesepaduan dalam masyarakat melalui media sosial terutamanya di Bandar Kajang. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif di mana teknik temu bual secara mendalam digunakan ke atas empat puluh orang informan yang terdiri daripada pelbagai etnik. Antara dapatan utama kajian adalah para informan mempunyai pemahaman yang baik terhadap isu kesepaduan masyarakat melalui media sosial. Selain itu, informan juga mempunyai persepsi yang baik terhadap kesepaduan melalui media sosial dan mereka boleh menerima kesepaduan dalam masyarakat melalui media sosial. Di antara faktor utama yang dikenalpasti menyumbang kepada kesepaduan social melalui media sosial adalah faktor politik, pendidikan dan budaya.

**Kata kunci:** *Kesepaduan sosial, Generasi baharu, Media sosial, Masyarakat majmuk Malaysia.*

**PENGENALAN**

Kemunculan internet dan media sosial kini memberi banyak kemudahan dan pengaruh kepada kehidupan sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia. Dalam kesibukan menikmati kecanggihan dunia internet, media sosial sedikit sebanyak telah menyemai sikap perpaduan dalam kalangan masyarakat. Perkataan perpaduan berasal dari kata padu, yang bermaksud mampat, pejal, dan tumpat. Berpadu bermaksud bercampur, menjadi satu, menjadi sehati. Manakala perpaduan pula membawa maksud penggabungan, persesuaian dan kecocokan

(Kamus Dewan, 1991). Seterusnya, maksud kesepaduan ialah suatu fenomena sosial yang dipacu oleh idaman mendalam terhadap perpaduan yang seterusnya mempengaruhi para anggota masyarakat tersebut untuk merangkai berbagai-bagai ikhtiar dan kegiatan yang dianggap sebagai prasyarat mencapai perpaduan (Shamsul Amri Baharuddin 2012:3) (Rosfazila Abd Rahman 2017). Himpunan usaha ini tanpa disedari telah membawakan keamanan, keharmonian dan kestabilan dalam masyarakat.

Maksud konsep kesepaduan sosial pula adalah proses yang membina dan mengekalkan perasaan kekitaan (*sense of belonging*) dalam masyarakat dan perasaan yang meletakkan diri seseorang dalam sesuatu komuniti (Judith Maxwell 1996). Menurut Jane Jenson (1998) pula, kesepaduan sosial digunakan untuk menggambarkan proses-proses yang bukan sahaja melibatkan negara atau negeri, tetapi rasa komitmen atau tanggungjawab dan keinginan atau keupayaan untuk hidup bersama dengan harmoni. Manakala maksud integrase ialah proses penyatuan kelompok-kelompok yang berbeza latar belakang, menjadi satu entiti yang terikat oleh norma dan nilai kepentingan bersama (Nazaruddin Hj Mohd Jalil 2001). Jika diperhalusi pengertian ini, akan kelihatan satu unsur penting di dalamnya iaitu, anggota-anggota kelompok yang bersatu padu, sekalipun berlainan latar belakang, masing-masing berasa dipunyai dan mempunyai satu kelompok yang sama (*a sense of belonging*). Dengan demikian dapat disimpulkan bahawa kesepaduan dan integrasi membawa maksud yang sama.

Penggunaan internet sebagai medium untuk saling berkenalan dan mengeratkan perpaduan memberi kesan yang positif kepada masyarakat. Kini, kadar penembusan jalur lebar di Malaysia telah mencapai 71.0 peratus (SKMM,2017) menurut Laporan Akamai (2017) purata kelajuan terpentas internet di Malaysia ialah 64.1 Mbps. Tambahan pula, data menunjukkan pengguna media sosial di Malaysia ialah seramai 20 juta orang (SKMM, 2017). Dalam konteks di Malaysia, dengan kemajuan internet, masyarakat masa kini mudah untuk terus berhubung dengan kenalan baru atau lama. Melalui media sosial, masyarakat dapat bergaul dengan pelbagai etnik, latar belakang dan agama. Di samping dapat memupuk semangat kesepaduan dan integrasi, masyarakat juga dapat membentuk persefahaman antara satu sama lain.

Kini dengan wujudnya aplikasi media sosial seperti WhatsApp, Telegram, Tumblr, Facebook, Twitter dan Skype turut memudahkan masyarakat untuk berkenalan dengan rakan baru yang berbeza etnik dan latar belakang. Hal ini kerana setiap media sosial yang ada pada masa kini mempunyai ciri-ciri menarik yang boleh digunakan untuk menanam semangat kesepaduan (K Hanafi 2018). Sebagai contoh melalui WhatsApp masyarakat boleh berbual dengan sahabat-sahabat yang tinggal berjauhan kerana faktor tempat tinggal sesuatu etnik. Tambahan pula dengan adanya status, pengguna dapat berkongsi kisah atau pengalaman harian bersama sahabat. Selain itu, dengan adanya *group whatsapp* pengguna dapat mengemukakan persoalan yang tidak difahami seperti budaya atau adat sesuatu etnik supaya dapat dihapuskan prasangka buruk antara masyarakat. Secara umumnya, semangat kesepaduan sosial ini mudah diterima oleh kebanyakan masyarakat dan hal ini kerana kehidupan masyarakat majmuk sudah sehati dengan norma kehidupan masyarakat Malaysia (Rosfazila Abd Rahman 2017). Justeru, beberapa elemen menjadi persoalan seperti bagaimana masyarakat memahami isu perpaduan, bagaimana persepsi mereka terhadap isu tersebut, adakah mereka menerima atau menolak kegiatan aktiviti kesepaduan dalam kehidupan mereka serta apakah faktor-faktor yang

mendorong mereka untuk saling memahami antara satu sama lain. Memandangkan kewujudan internet ini memberi pelbagai ruang dan peluang kepada masyarakat, menyediakan pelbagai medium komunikasi, tambahan pula semua nombor telefon atau kenalan melalui media sosial dapat dihubungkan tanpa batasan maka terdapat kemudahan untuk membincangkan isu kesepaduan antara masyarakat . Justeru, tujuan kertas ini dijalankan adalah untuk melihat pemahaman, persepsi, penerimaan serta faktor aktiviti kesepaduan sosial generasi baharu masyarakat majmuk Malaysia.

## **METODOLOGI**

Hasil dapatan yang dibincangkan dalam kajian ini diperolehi melalui kaedah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian temu bual mendalam. Jenis temu bual mendalam yang digunakan adalah temu bual separa berskruktur kerana ianya lebih berfleksibel dan memudahkan informan menghuraikan apa yang difikirkan kepada penyelidik. Selain itu, jumlah informan yang ditemu bual dalam kajian ini adalah seramai empat puluh orang yang terdiri daripada pelbagai etnik di bandar Kajang. Informan dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu daripada kelompok etnik Melayu, India dan Cina. Informan terdiri daripada golongan generasi baharu berumur di antara 18 hingga 25 tahun. Perbezaan kategori informan ini dapat mengukuhkan dapatan kajian dalam temu bual mendalam ini di mana boleh memperolehi pelbagai pendapat dari sudut yang berbeza.

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

Hasil dan perbincangan ini dihuraikan dengan memfokuskan kepada empat elemen utama iaitu pemahaman masyarakat terhadap kesepaduan melalui media sosial, persepsi masyarakat terhadap kesepaduan melalui media sosial dan penerimaan masyarakat mengenai kesepaduan melalui media sosial serta faktor-faktor kesepaduan dalam masyarakat melalui media sosial.

### **Pemahaman masyarakat mengenai kesepaduan melalui media sosial**

Media didapati sangat mempengaruhi demokrasi serta persepsi etnik dan sangat kuat dalam menentukan pandangan umum seperti dalam isu kesepaduan sosial, isu politik dan lain-lain. Walaubagaimanapun, media sosial pula berbeza kerana memainkan peranan sebagai alat pemasaran untuk mengangkat sesuatu idea, produk mahupun kempen keamanan atau kebencian (SA Hamid,2016).

Hasil kajian mendapati, majoriti para informan telah memahami konsep kesepaduan sosial melalui media sosial dengan mendalam. Hal ini kerana para informan dapat memberikan pemahaman yang tepat tanpa diterangkan lebih awal tentang konsep sebenar perkara ini. Sememangnya, kesepaduan masyarakat melalui media sosial ini sudah mendapat perhatian orang ramai tidak kira bangsa dan peringkat umur di mana ini dibuktikan dengan maklumat yang diberikan adalah kefahaman yang tinggi. Kajian ini mendapati apabila ditanya berkaitan pemahaman informan, mereka boleh menjawab dengan yakin dan tidak berasa malu dalam mengeluarkan pengetahuan mereka. Secara umumnya, informan memahami bahawa kesepaduan masyarakat melalui media sosial ini adalah suatu keadaan aman, stabil, makmur sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat berbilang etnik melalui aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter, Telegram dan sebagainya kerana wujudnya kesepakatan sosial (*social bonding*) yang kuat tanpa menyentuh sensitiviti atau provokasi yang akan melemahkan

kesepaduan dalam masyarakat. Ini bererti masyarakat faham bahawa kesepaduan social melalui media sosial dapat memelihara keamanan negara.

Ini dibuktikan dengan kenyataan daripada informan-informan seperti berikut :

*...apa yang saya faham ialah masyarakat pelbagai etnik menggunakan media sosial atau siber untuk mengeluarkan pendapat atau fahaman mereka secara bebas tetapi masih menitikberatkan sensitiviti dan kepentingan etnik yang lain..*

*...masyarakat pelbagai etnik menjadikan media sosial sebagai medan untuk berkongsi cerita atau pengalaman yang dapat memberi inspirasi atau sumbangan dalam kesejahteraan dan keamanan masyarakat...*

*...mengikut kefahaman saya ialah kesepaduan dalam media sosial hanya dapat dicapai apabila menerapkan nilai-nilai sejagat ketika berinteraksi sesama etnik di Malaysia...*

*...para pengguna media sosial dengan mudah dapat menyertai, berkongsi dan mencipta idea melalui Facebook, Blog atau Youtube agar dapat mengeratkan kesepaduan antara etnik...*

### **Persepsi masyarakat terhadap kesepaduan melalui media sosial.**

Persepsi yang ingin dibincangkan di sini merupakan pandangan atau tanggapan para informan sama ada dari sudut yang positif mahupun negatif tentang kenyataan kesepaduan dalam kepelbagaian melalui media sosial. Umumnya hasil kajian mendapati bahawa para informan mempunyai persepsi positif terhadap kesepaduan sosial melalui media sosial. Informan melihat media sosial sebagai satu medium yang berpengaruh dan meluas digunakan dalam kalangan masyarakat di Malaysia pada masa kini. Tambahan pula, ia juga merupakan alat yang berkesan untuk berkomunikasi, berkongsi maklumat, menyebarkan perkara-perkara yang berfaedah dengan mudah dengan hanya menggunakan hujung jari , di mana mereka hanya perlu untuk menaip lalu memuatnaikannya di laman sosial mereka, contohnya seperti blog, facebook, instagram, dan sebagainya. Di blog, mereka dapat memuatnaikkan penulisan dan gambar yang menceritakan berkaitan kebudayaan dan adat resam etnik mereka, oleh itu ramai orang akan tertarik untuk membacanya sekaligus menambah pengetahuan mereka dan cuba untuk mengelakkan mnyentuh isu sensitiviti sesuatu etnik tersebut.

Walaupun bagaimanapun ketika berbincang tentang isu sensitif, kajian mendapati terdapat segelintir informan yang mempunyai persepsi negatif, yang mana mereka menganggap kesepaduan tidak boleh diperolehi melalui media sosial malah boleh meruntuhkannya lagi. Hal ini demikian kerana, ada sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab sewenang-wenangnya membangkitkan provokasi dan isu sensitif sesuatu etnik tersebut yang melemahkan kesepaduan etnik di Malaysia. Bagi mereka sesiapa sahaja dapat menggunakan media sosial sebagai tempat untuk memfitnah pihak lain serta memanipulasi fakta yang betul. Hal ini disokong oleh para informan berikut :

*...laman sosial ni memudahkan kita untuk mencari maklumat apa sahaja, sama juga untuk mencari maklumat tentang budaya lain jadi, bila kita tahu tentang adat dan budaya sesuatu etnik ni, tak akan berlakulah kesilapan menyentuh isu sensitiviti sesebuah etnik tersebut...*

*...teknologi sekarang dah canggih, semua mudah dan pantas korang boleh search je dekat Google semua keluar, tak perlu untuk pergi perpustakaan, cari buku tentang kesepaduan semua, semua da tersedia dalam laman sosial...*

*...dengan adanya pertukaran pendapat antara etnik, usaha ini dapat mendorong lagi masyarakat ke arah yang lebih baik terutamanya melalui media sosial..*

### **Penerimaan masyarakat terhadap kesepaduan melalui media sosial**

Hasil kajian mendapati penerimaan masyarakat terhadap kesepaduan melalui media sosial adalah berasaskan dua perspektif. Ini adalah kerana terdapat para informan yang menerima kesepaduan dalam kepelbagaian melalui media sosial dan ada juga yang menolak hal tersebut. Perspektif informan yang menolak bertitik tolak di atas perkara penyalahgunaan kerana kurang sensitif kepada isu-isu kesepaduan dan kurang kawalan serta pemantauan. Informan yang positif kenyataan ini merasakan media sosial menjadi penghalang kepada perpaduan etnik di Malaysia. Penyalahgunaan media sosial kerana kurang sensitif kepada isu-isu kesepaduan banyak menimbulkan salah faham antara etnik. Media sosial seperti web dan blog serta facebook menyebabkan timbulnya kerenggangan etnik kerana banyak menimbulkan isu sensitif. Beberapa laman web juga yang bebas bergerak telah memperkatakan begitu banyak isu bersifat sensitif di samping menaburkan fitnah serta berita palsu menyebabkan wujudnya keresahan dalam masyarakat di negara ini. Beberapa kenyataan bersifat rasis dan berunsur peretnikan begitu berleluasa pada masa sekarang. Generasi baharu Malaysia yang berhubungan dengan media sosial akan terdedah kepada perkara yang tidak sah, tidak sihat dan mengancam. Jika tidak diselidik dan diterima ia boleh mengubah pandangan dan tindakan masyarakat mengenai sesuatu perkara.

Hal ini boleh dilihat melalui kenyataan informan berikut:

*...tak salah nak guna social media tapi kene cerdik dan sensitif sikit lah, ni semua nak dilaporkan macam wartawan tak bertaulah. Ada isu sedap-sedap je post sebab nak dpat perhatian dan banyak like. Tak sensitif langsung,,mereka tak tau benda yang di post tu mungkin berbentuk provokasi dan boleh menimbulkan sensitiviti perkauman....*

*...ada blog dan web saya tengok banyak memperkatakan isu-isu bahasa, agama, adat resam malah kadang tu menabur fitnah...bahaya macam tu...*

Penyalahgunaan media sosial dan kurang kawalan serta pemantauan juga mengancam kesepaduan sosial generasi baharu masyarakat majmuk Malaysia. Sebagai contoh, isu keagamaan dan peretnikan dipersendakan secara bebas tanpa kawalan. Keadaan ini mengikut informan, tidak diambil tindakan oleh pihak berkuasa kerana pertindihan tugas dan bidang kuasa antara badan penguatkuasa dan badan pengawal komunikasi. Penyebaran berita palsu dan tohmahan juga menjadi punca perbalahan dan persengketaan terhadap anggota masyarakat di negara ini. Keadaan ini boleh menyebabkan berlaku pertentangan pendapat dan menyebabkan juga wujudnya rasa benci dan dendam dalam kalangan masyarakat majmuk yang mampu menggugat keamanan negara. Hal ini boleh dilihat melalui kenyataan informan berikut:

*..facebook paling bahaya, ada yang upload status kutuk, isu bahasa Melayu ..raja Melayu..isu kerajaan,,macam-macamlah..ada juga palsu..bahaya sangat..boleh jadi bergaduh..apa yang dapat? Puas hati sendiri?*

*..isu kalimah Allah..Bible janganlah dibuat main..saya rasa generasi sekarang tak peka dan tak terfikir apa masalah yang bakal jadi dengan bende ni..*

*...kerajaan ke pihak berkuasa ke badan penguatkuasa tolonglah buat sesuatu..Ada bidang kuasa kan? Media social kita macam takde kawalan je...*

Namun sebahagian lagi informan mempunyai perspektif positif terhadap penerimaan kesepaduan melalui media sosial. Informan berpendapat, media sosial jika digunakan secara berhemah akan menjadi medium perpaduan yang sangat berkesan. Pihak kerajaan boleh menjadikannya sebagai sebagai medium berkesan dalam menyebarkan maklumat mengenai dan inisiatif untuk menyatupadukan masyarakat. Ia dapat menarik minat masyarakat dan memberi kemudahan kerana pada zaman sekarang masyarakat lebih menggunakan media sosial sebagai medium perantaraan berbanding bersemuka.

Hal ini boleh dilihat kenyataan informan:

*..teknologi dan gajet macam pisau kalau guna untuk potong sayur boleh buat masakan sedap-sedap..media social pun sama, kalau elok gunanya, eloklah hasilnya..*

*...semua guna media social sekarang ni, beli belah, tengok berita, promote barang semua kat social media, senang kan..tak perlu pun keluar rumah..*

*.... Usaha mereka telah menarik perhatian dan memberi inspirasi kepada ribuan pengikut, memberi inspirasi kepada mereka untuk mengekalkan keyakinan dan kepercayaan kepada negara yang kita cintai.*

Para informan yang bersetuju dengan kenyataan ini adalah kerana mereka dapat mengetahui isu semasa dan maklumat mengenai kebudayaan sesuatu etnik. Media sosial juga dapat memupuk perpaduan antara masyarakat. Hal ini dikaitkan dengan kenyataan informan berikut:

*..Malaysia ni special, seronok bila time perayaan lah, memang meriah, di social media kita dapat tahu yang sesetengah perayaan dah tiba. Saya tahu tentang perayaan orang Melayu seperti hari raya melalui social media..*

*...media sosial menjadi perantaraan antara saya dan kawan saya etnik India. Beliau juga sering mengirimkan makanan seperti muruku apabila tibanya perayaan Deepavali.*

### **Faktor - faktor kesepaduan masyarakat melalui media sosial**

Kesepaduan sosial generasi baharu masyarakat majmuk Malaysia dipengaruhi oleh beberapa faktor. Kajian mendapati faktor yang paling utama diutarakan sebagai faktor kesepaduan oleh informan adalah faktor politik, faktor pendidikan dan faktor agama serta budaya masyarakat majmuk Malaysia itu sendiri.

Informan menyatakan bahawa faktor politik adalah yang paling utama yang membantu dalam menyatupadukan masyarakat melalui media sosial. Media sosial bukan sahaja digunakan oleh masyarakat awam, malahan pemimpin masyarakat juga menggunakannya bagi menyalurkan maklumat dan mengeratkan lagi hubungan mereka dengan masyarakat. Dengan wujud kemudahan media sosial, pemimpin dapat menyampaikan maklumat dengan lebih jelas dan tepat. Sebagai contoh, para pemimpin masa kini menggunakan medium media sosial seperti Twitter, Facebook dan lain-lain untuk membincangkan isu-isu terkini yang melibatkan pelbagai etnik supaya tidak timbul salah faham dalam masyarakat.

*... “pada pandangan saya, masyarakat akan bersatu padu dalam isu politik. Lagi-lagi dekat media sosial lebih banyak isu politik dibincangkan” ...*

Kesepaduan masyarakat juga berpunca daripada pendidikan di media sosial. Media sosial bukan sahaja digunakan untuk berinteraksi antara satu sama lain, malah ia juga mempunyai manfaat besar kepada pendidikan dalam masyarakat. Media sosial melalui faktor pendidikan menjadi platform kepada para pelajar bukan sahaja dalam hal mencari bahan rujukan dan pelajaran dengan mudah dan pantas malah sebagai medium untuk berkanal- kenalan dan berkomunikasi dengan lebih mudah dan berkesan. Sebagai contoh, para pelajar berhubung dan berkomunikasi melalui media sosial seperti FB, IG, twitter, Google, Youtube dan juga Blog atas dasar pendidikan dan pembelajaran.

*... “masyarakat menjadikan media sosial sebagai medan perkongsian ilmu, terutamanya tentang pendidikan dan bahan-bahan rujukan.” ...*

Akhir sekali, faktor agama dan budaya juga membentuk kesepaduan sosial dalam kalangan generasi baharu masyarakat majmuk Malaysia. Walaupun Malaysia mempunyai berbilang bangsa dan etnik, namun perbezaan itu tidak menghalang daripada wujudnya kesepaduan antara etnik. Dengan penyaluran maklumat dan hebahan informasi kepelbagaian agama, kepercayaan dan adat resam di media sosial, masyarakat saling memahami, menghormati dan saling menjaga sensitiviti antara etnik. Kefahaman dan tolak ansur sesama etnik dapat mengeratkan lagi hubungan dan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat. Sebagai contoh, iklan-iklan yang disiarkan melalui Youtube sering dikaitkan dengan kesepaduan antara masyarakat yang pelbagai etnik. Seperti iklan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang turut disertai oleh pelbagai etnik dan lain-lain. Hal ini boleh dilihat melalui kenyataan para informan seperti berikut :

*... “isu agama, sebab dalam media sosial, bukan orang Melayu sahaja yang menggunakan tetapi pelbagai etnik yang berbeza agama dan budaya. Masyarakat dapat berkongsi maklumat tentang agama masing-masing dan menjaga sensitiviti etnik bagi mengelakkan perselisihan faham.” ...*

## **KESIMPULAN**

Ungkapan *unity in diversity* atau ‘perpaduan dalam kepelbagaian,’ telah digunakan untuk memerihalkan sifat unggul masyarakat Malaysia (Shamsul Amri Baharuddin, 2011). Media sosial merupakan satu medium yang digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat pada masa kini maka kajian ini bertujuan untuk melihat pemahaman, persepsi, penerimaan serta faktor kesepaduan dalam masyarakat melalui media sosial. Hasil kajian mendapati, majoriti

para informan telah memahami konsep kesepaduan melalui media sosial ini dengan mendalam. Umumnya hasil kajian mendapati bahawa para informan mempunyai persepsi positif terhadap kesepaduan sosial melalui media sosial. Walaubagaimanapun ketika berbincang tentang isu sensitif, kajian mendapati terdapat segelintir informan yang mempunyai persepsi negatif, yang mana mereka menganggap kesepaduan tidak boleh diperolehi melalui media sosial malah boleh meruntuhkannya lagi. Penerimaan generasi baharu masyarakat majmuk Malaysia terhadap kesepaduan melalui media sosial adalah berasaskan dua perspektif; Perspektif informan yang menolak bertitik tolak di atas perkara penyalahgunaan kerana kurang sensitif kepada isu-isu kesepaduan dan kurang kawalan serta pemantauan. Informan yang positif kenyataan ini merasakan media sosial menjadi penghalang kepada perpaduan etnik di Malaysia. Perspektif yang menerima pula berpendapat, media sosial jika digunakan secara berhemah akan menjadi medium perpaduan yang sangat berkesan. Kajian mendapati bahawa faktor politik adalah faktor yang paling utama diutarakan sebagai faktor kesepaduan sosial oleh informan manakala faktor-faktor lain adalah faktor pendidikan dan faktor agama serta budaya masyarakat majmuk Malaysia itu sendiri. Berdasarkan respon keseluruhan informan, jelas menunjukkan bahawa kesepaduan sosial generasi baharu masyarakat majmuk Malaysia mempunyai perspektif positif juga negatif. Perkara ini menjadi cabaran kepada pencapaian solidarity dalam hal kesepaduan sosial masyarakat majmuk Malaysia. Justeru, adalah dicadangkan supaya pengukuhan dan pencegahan dibuat berdasarkan hasil kajian iaitu memberi fokus kepada faktor politik, pendidikan dan sosiobudaya di media sosial. Setiap individu dalam lapis masyarakat perlu mempunyai pemahaman dan atitud yang baik berkaitan perkara kesepaduan sosial. Pihak bertanggungjawab juga perlu berperanan bagi mengawal dan memantau penyalahgunaan media sosial yang berpotensi memecah-belahkan kesepaduan sosial masyarakat. Antara langkah yang dicadangkan ialah memperkasakan undang-undang dan mengenakan hukuman berat kepada pesalah yang membangkitkan isu peretnikan. Selain itu, agensi kerajaan seperti suruhanjaya komunikasi dan multimedia Malaysia diberi kuasa dalam isu menangani penyalahgunaan internet perlu lebih proaktif dalam memberi kesedaran kepada pengguna internet mengenai bahayanya perbuatan yang membangkitkan isu peretnikan. Kesepaduan sosial generasi baharu masyarakat majmuk Malaysia melalui laman sosial akan dapat dicapai jika masyarakat dapat mempertingkatkan kefahaman antara etnik dan mengambil berat tentang isu peretnikan serta penyalahgunaan laman sosial.

*...dari sudut imaginasi sosiologikal, Malaysia menikmati 'kesepaduan sosial' (social cohesion) yang bertiangserikan perundingan, tolak ansur dan persetujuan antara pelbagai kelompok sosial berbeza, biarpun setiapnya bebas untuk menyuarakan kepentingan masing-masing. Justeru itu 'acuan Malaysia' sebenarnya telah dibentuk oleh 'kesepaduan dalam kepelbagaian' (cohesion in diversity) dengan destinasi terakhirnya unity in diversity atau perpaduan nasional. Biarpun demikian, kesepaduan sosial, berdarjah tinggi yang dinikmati Malaysia tidak boleh dianggap sebagai sesuatu yang alamiah dan diambil ringan (taken-for-granted). Dalam kata lain, 'perpaduan' yang kita idamkan itu masih dalam bentuk work-in-progress yang tidak boleh dihitung dan dinilai dengan nombor kaku. Yang mampu dan perlu kita lakukan secara berterusan adalah untuk memantau apa yang berlaku dalam proses work-in-progress ini. Memantau dari sudut makro dan mikro keadaan semasa kesepaduan*



*sosial di Malaysia adalah suatu usaha yang pastinya remeh, rumit, ruwet dan memerlukan dana serta tenaga yang cukup besar. Sampailah sudah masanya untuk Malaysia melihat dirinya di cermin besar dan bertanya "apakah yang perlu aku lakukan segera untuk memperkukuh daya ketahanan aku ini, agar aku terus hidup 1000 tahun lagi?" Jawapan saya ialah Malaysia memerlukan R&D (Research & Development) bukan sahaja dalam bidang Sains dan Teknologi (S&T), bahkan juga dalam bidang sosial, justeru R&D SOSIAL. Usaha ini memerlukan, pertamanya suatu senarai bidang teras sebagai fokus penyelidikan dan kedua, dana yang lumayan untuk beberapa lapis penyelidikan dalam setiap bidang teras itu dapat direncana-laksanakan dengan baik. Produk daripada R&D SOSIAL ini adalah dalam bentuk suatu korpus maklumat berkualiti, himpunan ilmu pengetahuan yang terperinci dan luas liputannya serta analisis serius yang mampu meneloh 'keadaan kesihatan sosial negara.'*(Shamsul Amri Baharuddin, 2011)

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ramli. 2009. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Universiti Teknologi MARA : Perpustakaan Negara Malaysia.
- Internet users survey 2017 – SKMM. [https://www.skmm.gov.my/skmmgovmy/.../MCMC-Internet-Users-Survey-2017\\_v2.p...](https://www.skmm.gov.my/skmmgovmy/.../MCMC-Internet-Users-Survey-2017_v2.p...)INTERNET USERS SURVEY 2017. STATISTICAL BRIEF NUMBER TWENTY-ONE. ISSN 1823-2523. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- J Jenson. 1998. Mapping Social Cohesion: The State of Canadian Research. [http://oaresource.library.carleton.ca/cprn/15723\\_en.pdf](http://oaresource.library.carleton.ca/cprn/15723_en.pdf). Dicapai 4 Februari 2019.
- J Maxwell. 1996. Prescriptive grammar and Kaqchikel revitalization. *Maya cultural activism in Guatemala*, 195-207
- Kamus Dewan. (5th ed.). (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- K Hanafi . 2018. Penggunaan media sosial dan faktor-faktor yang mempengaruhi [ejournal.ukm.my/ebangi/article/viewFile/20396/6435](http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/viewFile/20396/6435). Dicapai 3 Februari 2019.
- Mardiana Nordin. 2014. *Pengajian Malaysia Edisi Kelima*. Perpustakaan Negara Malaysia : Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Nazaruddin Hj Mohd Jali. 2001. *Pengajian Malaysia Edisi Kedua*. Perpustakaan Negara Malaysia : Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Rosfazila Abd Rahman & Abdul Razif Zaini. 2017. (Pdf) Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun [...https://www.researchgate.net/.../316451581\\_MODEL\\_PERPADUA...](https://www.researchgate.net/.../316451581_MODEL_PERPADUA...)dicapai 3 Februari 2019.
- SA Hamid. 2016. Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. [ejournal.ukm.my/ebangi/article/download/15599/4860](http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/download/15599/4860). Dicapai 4 Februari 2019. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). <https://www.skmm.gov.my/resources/statistics/communications-and-multimedia-pocketbook-of-stati?lang=ms-MY>. Dicapai 3 Februari 2019.
- Shamsul Amri Baharuddin, 2011. *Kesepaduan dalam kepelbagaian: perpaduan di Malaysia sebagai work-in-progress* / Datuk Shamsul Amri Baharuddin. (Siri syarahan kepimpinan profesor ulung) 1. Multiculturalism--Malaysia. 2. Malaysia--Ethnic

relations. 3. Malaysia--Race relations. I. Judul. II. Siri. 305.800959. Bangi : Penerbit UKM.

Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Modul Hubungan Etnik Edisi Kedua*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Institut Kajian Etnik UKM

## LAMPIRAN

Nama Informan	1. Apakah yang anda faham mengenai kesepaduan melalui media sosial?	2. Apakah persepsi anda tentang kesepaduan melalui media sosial?	3. Bagaimanakah anda menerima kesepaduan melalui media sosial?	4. Apakah faktor wujudnya kesepaduan melalui media sosial
Ramesh A/L Mahadevan	Salah satu cara mereka mengekspresikan kesepaduan social mereka selain duduk bersama ketika makan ataupun melakukan interaksi antara budaya	Sesuatu yang bagus, kita boleh menampakkan kerana kita tidak terbatas hanya pada pergaulan secara fizikal sahaja malah kita juga boleh bergaul secara di alam maya dan pergaulan tersebut bukan hanya berlaku diantara etnik itu sendiri ia berlaku secara universal.	Penerimaan saya adalah positif, kerana sebagai rakyat Malaysia dalam apa jua sekalipun perlu meluahkan rasa kesepaduan atau kesatuan tersebut tidak kira di mana jua	Kebebasan untuk bercakap iaitu kita boleh menyuarakan apa-apa rasa tidak puas hati ataupun sekiranya ada bendayang boleh diperbaiki semuanya bebas berlegar di alam maya kerana tiada halangan untuk menyuarakan apa-apa pendapat atau tidak puas hati
Jesnita keit	Media sosial dapat merapatkan hubungan dengan orang walaupun dalam jarak yang jauh	Dalam memupuk kesepaduan antara masyarakat yang berbilang etnik melalui media sosial dengan lebih meluas dapat mewujudkan kenalan baru	Bertegur rakan dan ahli keluarga melalui media sosial	Kerajaan lebih menggalakkan penggunaan media sosial dalam pelbagai agensi dan pentadbiran supaya lebih mudah meluaskan lagi perkongsian ilmu-ilmu baru dari luar Negara.
Hakim Othman	apa yang saya faham ialah masyarakat pelbagai etnik menggunakan media sosial atau siber untuk mengeluarkan pendapat atau fahaman mereka secara bebas tetapi masih menitikberatkan sensitiviti dan	laman sosial ni memudahkan kita untuk mencari maklumat apa sahaja, sama juga untuk mencari maklumat tentang budaya lain jadi, bila kita tahu tentang adat dan budaya sesuatu etnik ni, tak akan berlakulah kesilapan menyentuh isu	Aku tak heran pon pasal kes Low Yat. Yang buat hat tu semua Melayu. Yang curi? Melayu.yang dah la salah tapi nak pukul orang jugak? Melayu.Yang buat rusuhan/ucapan rasist? Melayu jugak. Kesimpulannya, tanpa Melayu, Malaysia akan	Pada pandangan saya, masyarakat akan bersatu padu dalam isu politik. Lagi-lagi dekat media sosial lebih banyak isu politik dibincangkan

	kepentingan etnik yang lain	sensitiviti sesebuah etnik tersebut	lebih aman, maju dan kaya. Melayu punca masalah.	
Nur Alia bt Hakim	Masyarakat pelbagai etnik menjadikan media sosial sebagai medan untuk berkongsi cerita atau pengalaman yang dapat memberi inspirasi atau sumbangan dalam kesejahteraan dan keamanan masyarakat	Teknologi sekarang dah canggih, semua mudah dan pantas korang boleh search je dekat Google semua keluar, tak perlu untuk pergi perpustakaan ,cari buku tentang kesepaduan semua, semua da tersedia dalam laman sosial	Usaha mereka telah menarik perhatian dan memberi inspirasi kepada ribuan pengikut, memberi inspirasi kepada mereka untuk mengekalkan keyakinan dan kepercayaan kepada negara yang kita cintai.	Masyarakat menjadikan media sosial sebagai medan perkongsian ilmu, terutamanya tentang pendidikan dan bahan-bahan rujukan
Nuril Izzah bt Norazlan	Mengikut kefahaman saya ialah kesepaduan dalam media sosial hanya dapat dicapai apabila menerapkan nilai-nilai sejagat ketika berinteraksi sesama etnik di Malaysia	Dengan adanya pertukaran pendapat antara etnik, usaha ini dapat mendorong lagi masyarakat ke arah yang lebih baik terutamanya melalui media social.	Media sosial menjadi perantaraan antara saya dan kawan saya yang berbangsa india. Beliau juga sering mengirimkan makanan seperti muruku apabila tibanya perayaan Deepavali.	Isu agama, sebab dalam media sosial, bukan orang melayu sahaja yang menggunakan tetapi pelbagai etnik yang berbeza agama dan budaya. Masyarakat dapat berkongsi maklumat tentang agama masing-masing dan menjaga sensitiviti etnik bagi mengelakkan perselisihan faham
Kashmeera A/P Ravee Varmaa	Para pengguna media sosial dengan mudah dapat menyertai, berkongsi dan mencipta idea melalui Facebook, Blog atau Youtube agar dapat mengeratkan kesepaduan antara etnik	Sangat bagus, sebab kita boleh memupuk sifat yang positif dalam kalangan masyarakat Malaysia zaman kini	Dalam media sosial kita dapat bergaul tanpa mengira agama bangsa dan umur	Tiada batas untuk bergaul de media sosial, kita boleh bergaul dengan sesiapa yang kita suka tanpa mengira bangsa dan agama
Dayang Nur Aisyah Bt Datuk Iyam	Kita menerapkan nilai perpaduan melalui kepelbagaian bangsa bertunggalan kemakmuran komuniti.	Kesepaduan melalui media sosial merupakan perkara yang baik dan patut diteruskan kerana dapat mengeratkan silaturrahim antara satu sama lain dari segi agama, budaya dan Negara.	Memuat naik dan berkongsi perkara yang berunsur positif untuk kegunaan semua pengguna di media sosial.perpaduan melalui media sosial juga sangat signifikan dalam era kini kerana dunia sekarang yang semakin dipelopori oleh teknologi	Media sosial membuka peluang untuk membina jaringan komunikasi antara satu sama lain, tidak kira kelas sosial,agama dan budaya

Lee Rui Jing	Keputusan atau pandangan yang diberi oleh seluruh masyarakat terhadap plebagai isu yang terdapat di dalam media sosial	Memainkan peranan yang besar dalam dunia moden kini	Memainkan tanggungjawab sebagai manusia yang hidup bertamadun di dalam media sosial.	Peredaran masa, budaya barat, kemunculan para intelektual.
Ummu Aqilah Bt Abdul Hadi	Kita boleh bersatu padu walaupun kita tak jumpa berhadapan seperti kita boleh bersuara sebagai rakyat Malaysia walaupun di media sosial sahaja	Persepsi saya beranggapan media sosial adalah salah satu cara untuk kita berkomunikasi mengemukakan pandangan2 berinteraksi secara sihat sesame kita sekali gus menjadi medium dalam memperkukuhkan penyatuan masyarakat.	Menerima dengan menggunakan media sosial untuk saling berhubung di samping menjaga tutur kata untuk mengelakkan konflik supaya tidak timbul perbalahan.	Faktor keterbukaan disebabkan penggunaan media sosial yang meluas dalam setiap individu. Jika ianya digunakan dengan beretika maka media sosial juga boleh dijadikan alat dalam penyatuan masyarakat.